

# Kementerian lulus RM60,000 sokong KKJF ke-13: Liew

DE 25-7-2019 3

KOTA KINABALU: Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar meluluskan peruntukan sebanyak RM60,000 bagi menyokong Pesta Jazz Kota Kinabalu ke-13 (KKJF) yang akan diadakan selama dua hari – 2 Ogos (Jumaat) dan 3 Ogos (Sabtu) di Covered Tennis Court, Sutera Harbour Resort.

Menterinya, Datuk Christina Liew berkata KKJF merupakan pesta bukan berdasarkan keuntungan dan sebahagian daripada hasilnya akan membiayai pelbagai projek perkhidmatan komuniti Rotary Club Kota Kinabalu (RCKK), yang merupakan Kelab Rotary tertua di Sabah.

Ini termasuk kem perubatan untuk pemeriksaan kesihatan penduduk luar bandar, membina tandas untuk komuniti luar bandar, projek air graviti untuk menyediakan bekalan air bersih dan membantu kanak-kanak miskin di kampung terpencil.

“Aktiviti Rotary merupakan nama isi rumah di Sabah. Kemasukan pesta sebagai acara utama dalam acara kalendar tahunan Pelancongan Sabah mencerminkan sokongan kerajaan untuk Pesta Jazz Kota Kinabalu,” katanya semasa kunjungan hormat oleh Jawatankuasa Penganjur KKJF 2019 diketuai Pengerusi Penganjur Jack Ong.

Edisi ke-13 merupakan anjuran bersama dengan RCKK yang kini diketuai oleh Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon sebagai Presiden Persatuan Seni Persembahan Kota Kinabalu, Sabah (SPArks) di bawah pimpinan pemuzik veteran Sabah Roger Wang yang juga Pengerusi Penganjur bersama acara itu.

Liew, yang juga Timbalan Ketua Menteri, menganggap KKJF sebagai sebuah acara pelancongan bagi pelancong antarabangsa dan domestik serta peminat muzik tempatan untuk menikmatinya.

“Saya menyeru kepada masyarakat setempat untuk menyokong festival ini, datang dan



LIEW (tengah) menerima poster promosi daripada Ong bersama yang lain.

habiskan malam bersama beberapa penghibur-penghibur yang hebat. Sokong pemuzik Malaysia, saya difahamkan bahawa KKJF (yang ditubuhkan pada 2007) adalah satu-satunya pesta jazz di rantau ini yang ditubuhkan untuk mengumpulkan dana untuk amal dan mengembangkan seni persembahan,” katanya.

Deligasi daripada Jawatankuasa Penganjur termasuk Kamaruzaman, Presiden Kanan RCKK, Philip Koh, Penasihat Acara merangkap Pengasas KKJF, Frankie Fu (sebelum ini Presiden RCKK) dan Datuk Adeline Leong (bekas Pengerusi SPArks yang ditubuhkan untuk menggalakkan kemajuan Seni Persembahan di Kota Kinabalu); Benjamin Lo (Pengurus Acara) dan Pegawai Publisiti Lenore Lee dan Louise Maluda. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian, William Baya.

Taklimat kepada Menteri mengenai program dua malam itu, Ong berkata KKJF adalah salah satu pesta jazz yang paling lama di Malaysia.

“Pesta Jazz bermula membuka tirai pada 6 petang dan memulakan persembahan pertama pada 7 malam dan berakhir pada pukul 11 malam

setiap malam,” katanya.

Acara selama dua hari ini akan menampilkan kumpulan-kumpulan jazz berbakat dari komuniti muzik Sabah dan Rainbow Children dan Xi-anghai Divas Kuala Lumpur.

Antara kumpulan yang akan membuat persembahan di Sabah ialah Jamstation, pemuzik terbaik, paling aktif dan lama di Tawau, SWAG (terdiri daripada ahli muzik profesional dari RTM Sabah, pensyarah dari Fakulti Muzik UMS, tutor dan pelajar Institut Seni Sabah serta pemuzik dari pemuzik dari Kumpulan Polis Diraja Malaysia), Blues Summit, AC Duo, Take 2 (vokalis dan pemain gitar Jonathan Tse dan Peter Lau), Rikki and Friends, Sunrise Jazz Ensemble, Project Trio, Lawalah dan Calypsoul.

Tiket boleh didapati melalui [www.airasiaredtix.com](http://www.airasiaredtix.com) atau di Coffee Bean & Tea Leaf Outlets (Damai dan Wisma Merdeka), Sutera Harbour Marina & Country Club atau mendapatkan terut di lokasi acara.

Maklumat lanjut, hubungi Lenore di 012-8013939 atau Jack di 016-8106505.